



JABATAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Soalan Lazim (FAQ) JKKP Berkaitan **Fasa Peralihan ke Endemik**


Kemaskini 27 Julai 2022

KANDUNGAN

Bil.	Topik	Muka Surat
1	Tanggungjawab Am Majikan	3
2	Penguatkuasaan KKP	4 – 6
3	Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan	7 – 11
4	Kompetensi dan Latihan	12 – 19

SOALAN 1

Apakah tanggungjawab majikan dan pekerja untuk memastikan langkah pencegahan COVID-19 di tempat kerja?




JAWAPAN

Pihak majikan dan pekerja hendaklah sentiasa mematuhi arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa menerusi pautan <https://www.mysop.gov.my>.

SOALAN 2

Apakah status pemeriksaan pertama/ ulangan kilang dan jentera berperakuan yang tarikhnya jatuh dalam tempoh Fasa Peralihan ke Endemik?



JAWAPAN


Pemeriksaan pertama/ ulangan kilang dan jentera perlu dilaksanakan untuk industri yang beroperasi dalam tempoh Fasa Peralihan ke Endemik berdasarkan peruntukan Peraturan 13 dan 14, Peraturan – Peraturan (Pemberitahuan, Sijil Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970.

Kaedah pemeriksaan alternatif seperti yang dinyatakan di dalam **Surat Arahann Pemberitahuan Semula Pelaksanaan Kaedah Alternatif Bagi Pemeriksaan Pertama dan Pemeriksaan Ulangan Bagi Kilang dan Jentera Berperakuan** bertarikh 5 Mac 2021, juga boleh digunakan bagi tujuan ini.

Link: <https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/surat-arahan/2021-1/3777-surat-arahan-pelaksanaan-kaedah-alternatif-bagi-pemeriksaan-pertama-dan-pemeriksaan-ulangan-bagi-kilang-dan-jentera-berperakuan-1/file>

SOALAN 3

Adakah aktiviti-aktiviti berikut boleh dilaksanakan dalam tempoh Fasa Peralihan ke Endemik?

- 
- i. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
 - ii. Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (CHRA)
 - iii. Penaksiran Risiko Bising (NRA)
 - iv. Permonitoran Pendedahan kepada Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CEM)
 - v. Pemeriksaan dan Pengujian LEV
 - vi. Penaksiran untuk penyediaan Laporan Aktiviti Industri (LAI) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP)
 - vii. Maklumat kepada umum bagi Pepasangan Bahaya Besar
 - viii. Latihan Kecemasan bagi Pepasangan Bahaya Besar
 - ix. Pemeriksaan dan ujian ke atas talian paip/ sistem retikulasi bahan petroleum

JAWAPAN

Ya, aktiviti-aktiviti di sebelah perlu dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan dalam perundangan berkaitan, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh MKN.

SOALAN 4

Adakah ujian spirometri sudah boleh dijalankan dalam Fasa Peralihan ke Endemik COVID-19 bagi memenuhi keperluan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan misalnya bagi pemeriksaan kelayakan kesihatan bekerja di ruang terkurung?




JAWAPAN

Ujian spirometri yang bersifat rutin bagi penentuan tahap kesihatan untuk memenuhi kehendak perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan boleh dijalankan semula oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan dengan mematuhi langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 seperti berikut:

- i. Memastikan pekerja yang bakal melakukan ujian spirometri tidak bergejala seperti batuk, sakit tekak atau selsema;
- ii. Menjalankan ujian RTK Antigen ke atas setiap pekerja sejurus sebelum memulakan ujian spirometri;
- iii. Menggunakan penapis (*filter*) pakai buang (*disposable*) bagi setiap ujian spirometri. Penjagaan dan pembersihan alat serta penapis hendaklah mengikut panduan pengeluar;
- iv. Menjalankan ujian spirometri dalam bilik yang mempunyai pengudaraan yang baik. Penapis HEPA (*purifier*) mudah alih (*portable*) hendaklah digunakan bagi bilik ujian yang tiada kemasukan udara segar sama ada secara semula jadi atau mekanikal;
- v. Menjalankan ujian spirometri dalam bilik/ kawasan yang membolehkan penjarakan fizikal dilakukan;
- vi. Semua petugas kesihatan memakai PPE yang lengkap dan sesuai;
- vii. Memberi penerangan/ pendidikan tentang etika batuk (*cough etiquette*);
- viii. Mengamalkan *hand hygiene* sebelum dan selepas prosedur; dan
- ix. Melakukan disinfeksi setelah selesai sesi ujian.

SOALAN 5

Sekiranya berlakunya kemalangan semasa bekerja dari rumah, adakah ianya dikategorikan sebagai “kemalangan berkaitan pekerjaan”?

A stylized illustration of a woman with long brown hair, wearing a pink long-sleeved shirt and grey trousers, walking towards the right. She is carrying a white bag. The background is a light grey grid pattern.

JAWAPAN

Kemalangan yang berlaku semasa pekerja bekerja dari rumah dikatakan sebagai “kemalangan berkaitan pekerjaan” apabila kemalangan tersebut berkait secara langsung dengan aktiviti melakukan kerja dan bukannya disebabkan keadaan persekitaran rumah. Contoh situasi dan jenis kemalangan adalah seperti di slaid berikutnya.

“Kemalangan berkaitan pekerjaan” tersebut yang perlu dilaporkan adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004.

Situasi	Jenis
Pekerja meja bantu sistem (helpdesk) mengendalikan pertanyaan pelanggan menggunakan komputer riba di rumah. Semasa sedang menjawab pertanyaan, pekerja tersebut tersandung kabel komputer lalu komputer riba jatuh dan mencederakan kakinya dengan mendapat cuti sakit sebanyak 5 hari .	<u>Berkaitan Pekerjaan</u> dan perlu dilaporkan melalui menerusi MyKKP (JKKP 6)
Pekerja diarahkan oleh majikan menjahit pakaian di rumah dengan menggunakan mesin jahit. Semasa sedang menjahit jari pekerja telah tertusuk jarum dan mendapat cuti sakit sebanyak 2 hari .	<u>Berkaitan Pekerjaan</u> dan <u>tidak perlu</u> dilaporkan tetapi perlu direkodkan menerusi MyKKP (JKKP 8)
Pekerja sedang membuat laporan kewangan syarikat di dalam bilik rumahnya. Semasa bergegas untuk menjawab panggilan telefon di ruang tamu, beliau telah terpijak alat permainan anaknya lalu terjatuh dan ibu jari kakinya patah.	Tidak berkaitan pekerjaan
Pekerja yang bekerja di rumah mengalami renjatan elektrik kerana pendawaian rumah yang rosak.	Tidak berkaitan pekerjaan

SOALAN 6

Adakah pihak majikan boleh dikenakan tindakan oleh pihak JKPP sekiranya kemalangan berlaku semasa bekerja dari rumah?



JAWAPAN

Sebelum majikan memutuskan untuk mengarahkan pekerja “bekerja dari rumah”, majikan hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut:-

- i. Bagaimana pemantauan akan dilakukan oleh majikan terhadap pekerja tersebut?
- ii. Apakah jenis aktiviti yang hendak diberikan dan tempoh pelaksanaan aktiviti tersebut?
- iii. Adakah aktiviti pekerjaan tersebut selamat untuk pekerja melakukannya di rumah?
- iv. Apakah langkah-langkah kawalan diperlukan untuk melindungi pekerja semasa menjalankan aktiviti pekerjaan tersebut?

Jika kemalangan berlaku, majikan boleh diambil tindakan sekiranya gagal untuk memastikan setakat yang praktik langkah-langkah kawalan kepada pekerjaanya.

SOALAN 7

Adakah COVID-19 merupakan penyakit pekerjaan yang perlu dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)?



JAWAPAN

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (NADOPOD), COVID-19 boleh dikategorikan sebagai penyakit pekerjaan sebagaimana dinyatakan dalam Item 7, Jadual 3.

Pekerjaan yang termasuk dalam Item 7, Jadual 3 adalah bekerja dengan aktiviti melibatkan pendedahan secara langsung kepada virus COVID-19. Contoh pekerjaan dalam kategori ini termasuklah: doktor, jururawat, pekerja makmal dan penyelidik. Selain itu, penyakit COVID-19 yang dihidap para petugas barisan hadapan (*frontliners*) boleh dikategorikan sebagai penyakit pekerjaan sewaktu pandemik ini, tertakluk kepada hasil siasatan pihak berkuasa kesihatan.

Sehubungan dengan itu majikan dan pengamal perubatan wajib melaporkan kepada JKPP kes penyakit COVID-19 yang berlaku di kalangan pekerja yang bekerja dengan aktiviti kerja yang melibatkan pendedahan secara langsung kepada virus COVID-19. Pelaporan hendaklah dibuat secara atas talian menerusi pautan berikut:

<http://ejkkp7.dosh.gov.my/ejkkp7>

SOALAN 8

Pekerja A dan Pekerja B merupakan operator pengeluaran di sebuah kilang elektronik.

Pekerja A telah dijangkiti COVID-19 berpunca daripada pendedahan di luar tempat kerja.

Pekerja B pula telah mendapat jangkitan berpunca daripada pekerja A melalui interaksi di tempat kerja.

Adakah kedua-dua kes ini merupakan penyakit pekerjaan?

JAWAPAN

Kedua-dua kes tersebut bukan merupakan penyakit pekerjaan di bawah Peraturan NADOPOD kerana skop kerja mereka tidak melibatkan pendedahan secara langsung kepada virus penyebab COVID-19.

SOALAN 9

Saya berhasrat membuat permohonan pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKPP.

Salah satu syarat pembaharuan perlu mengumpul 30 mata Program Pendidikan Berterusan (CEP) setiap tahun.

Adakah sebarang kelonggaran diberikan terhadap syarat ini bagi tahun pendaftaran kompetensi yang melibatkan tempoh PPN / Fasa Peralihan ke Endemik?

JAWAPAN

Memandangkan kemungkinan terdapat kesukaran untuk OYK mengumpul mata CEP dalam tempoh PPN/ Fasa Peralihan ke Endemik, maka jabatan membuat ketetapan mata CEP bagi mana-mana tahun pendaftaran yang melibatkan tempoh PPN/ Fasa Peralihan ke Endemik dikurangkan kepada 10 mata sahaja. Rujuk contoh di slaid berikutnya.

Kelonggaran ini hanya terpakai untuk OYK yang tarikh mula dan tamat tahun pendaftaran termasuk di dalam tempoh PPN/ Fasa Peralihan ke Endemik.

Contoh A:

Tempoh pendaftaran En. Arumugam adalah dari 1 November 2018 hingga 31 Oktober 2021. Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah:

Tahun	Tempoh	Mata CEP perlu dikutip
1	1 Nov 2018 – 31 Okt 2019	30
2	1 Nov 2019 – 31 Okt 2020	10*
3	1 Nov 2019 – 31 Okt 2020	10*
Jumlah Mata CEP		50
* Termasuk dalam tempoh PKP/ PPN		

Contoh B:


Tempoh pendaftaran En. Bakar adalah dari 1 Februari 2020 hingga 31 Januari 2023. Jumlah mata CEP yang perlu dikutip ialah:

Tahun	Tempoh	Mata CEP perlu dikutip
1	1 Feb 2020 – 31 Jan 2021	10*
2	1 Feb 2021 – 31 Jan 2022	10*
3	1 Feb 2022 – 31 Jan 2023	10*
Jumlah Mata CEP		30
* Termasuk dalam tempoh PPN/ Fasa Peralihan ke Endemik		

SOALAN 10

Adakah latihan secara dalam talian mendapat mata CEP daripada JKKP?

Bagaimana cara untuk mendapatkan kelulusan JKKP bagi melaksanakan latihan secara dalam talian yang bertujuan mendapatkan mata CEP?



JAWAPAN


Ya, dengan syarat latihan secara dalam talian tersebut mendapat kelulusan daripada JKKP.

Permohonan kelulusan program Continuous Education Programme (CEP) boleh dibuat melalui platform MySKUD. Pemohon perlu mempunyai akaun MyKKP untuk mengakses MySKUD.

Panduan permohonan boleh dirujuk melalui:
<https://www.dosh.gov.my/index.php/certification/information/continuous-education-programme-cep>

SOALAN 11

Sijil kompetensi saya sebagai AGTES tamat semasa tempoh Fasa Peralihan ke Endemik. Bagaimana saya boleh memperbaharui sijil tersebut?

A stylized illustration of a woman with long brown hair, wearing a pink long-sleeved shirt and grey trousers, walking towards the right. She is carrying a blue bag. The background is a light grey grid pattern.


JAWAPAN

AGTES yang tamat tempoh sah laku sijil kompetensinya semasa tempoh Fasa Peralihan ke Endemik dikehendaki untuk hadir kursus ulangkaji AGTES jika sijil kelayakan kursus telah tamat tempoh dan mengemukakan permohonan pembaharuan pendaftaran melalui sistem MyKKP.

Sijil kompetensi AGTES tidak boleh diperbaharui jika permohonan pembaharuan tidak diterima dalam tempoh 1 tahun selepas tarikh tamat sah sijil.

SOALAN 12

Adakah AGTES yang tamat tempoh sah laku sijil kompetensinya semasa tempoh Fasa Peralihan ke Endemik boleh meneruskan kerjanya?



JAWAPAN

AGTES yang tamat tempoh sah sijil kompetensinya semasa tempoh Fasa Peralihan ke Endemik tidak dibenarkan meneruskan aktiviti kerja sehingga AGTES tersebut memperbaharui sijil kompetensinya.

SOALAN 13

Adakah AESP yang tamat tempoh sah laku Kad Perakuan Latihan semasa tempoh Fasa Peralihan ke Endemik boleh meneruskan kerjanya?

JAWAPAN


AESP yang tamat tempoh sah Kad Perakuan Latihan semasa tempoh Fasa Peralihan ke Endemik tidak dibenarkan meneruskan aktiviti kerja sehingga AESP tersebut menghadiri kursus ulangkaji dan lulus peperiksaan yang dijalankan oleh pusat latihan yang diiktiraf oleh JKPP.

SOALAN 14

Adakah temuduga Drebar Enjin Stim/ Pembakaran Dalam di pejabat Negeri dijalankan dalam tempoh Fasa Peralihan ke Endemik?


JAWAPAN

Temuduga Drebar Enjin Stim/ Pembakaran Dalam di pejabat Negeri akan dibuat berdasarkan SOP Fasa Peralihan ke Endemik yang membenarkan temuduga bersemuka atau temuduga dalam talian berdasarkan pertimbangan Pengarah JKKP Negeri.



SOALAN 15

Adakah kursus kompetensi/ *trained person* KKP secara dalam talian masih boleh dilaksanakan dalam tempoh Fasa Peralihan ke Endemik?



JAWAPAN

Ya boleh, dengan syarat kursus kompetensi/ *trained person* KKP secara dalam talian tersebut mendapat kelulusan daripada JKPP dan dikendalikan oleh pusat pengajar yang diberi kebenaran oleh JKPP bagi melaksanakan kursus berkenaan.

Syarat permohonan dan pelaksanaan kursus boleh dirujuk di dalam FAQ PPN JKPP Bil. 11.

Walaupun bagaimanapun, **bermula 2 Januari 2023 semua kursus kompetensi/ *trained person* KKP perlu dijalankan secara bersemuka (fizikal).**



JABATAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Dasar, Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Aras 5 (Kaunter Utama), Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya.



03-8886 5343



03-8889 2443



projkkp@mohr.gov.my